

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 Jld. 2 (26)

8 Januari 2023
15 Jamadilakhir 1444H

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 2/2023

PELAKSANAAN HAD KOS RAWATAN PESAKIT LUAR (KLINIK PANEL DAN PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI)

Sukacita dimaklumkan bahawa merujuk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil.7/2022 bertarikh 13 April 2022 telah bersetuju meluluskan Cadangan Pelaksanaan Had Kos Rawatan Pesakit Luar (PKU dan Klinik Panel).

2. Objektif pelaksanaan cadangan ini adalah bagi membantu universiti ke arah kelestarian kewangan dan pada masa yang sama masih mengekalkan kemudahan dan menjaga kebajikan staf. Antara pelaksanaan cadangan ini adalah seperti berikut:

Bil.	Penerima Rawatan	Had Kos Perubatan	Keterangan	Penyedia Rawatan
1.	Staf TETAP. (termasuk pasangan dan anak-anak yang berkecayaan)	i) RM1,500 (Sakit Biasa) ii) RM1,500 (Sakit Kronik) tertakluk kepada permohonan dan kelulusan Universiti	1. Had sekeluarga per staf ialah RM1,500 setahun. Jika suami isteri staf UTM, had per staf ialah RM1,500. 2. Staf boleh membuat permohonan tambahan RM 1,500 bagi penyakit kronik melalui borang permohonan yang disahkan oleh Pegawai Perubatan PKU atau mana-mana fasiliti kesihatan kerajaan tertakluk kepada kelulusan Universiti. Borang permohonan boleh diperolehi melalui laman web rasmi Jabatan Pendaftar melalui pautan link	Pusat Kesihatan Universiti (PKU) dan Klinik Panel

Bil.	Penerima Rawatan	Had Kos Perubatan	Keterangan	Penyedia Rawatan
			<p>https://registrar.utm.my/bpo/services/perubatan-staf/</p> <p>3. Had kos per rawatan di atas masih dikekalkan mengikut harga siling semasa.</p> <p>4. Pesakit boleh mendapatkan bekalan ubat daripada KK atau Hospital Kerajaan, jika melebihi had, atau staf boleh mendapatkan rawatan di Klinik Swasta/PKU atas pembiayaan sendiri</p>	
2.	<p>Kelayakan staf KONTRAK Warganegara & Antarabangsa (lantikan Universiti) termasuk pasangan dan anak-anak berkecualan.</p> <p>Kontrak lantikan Tabung tertakluk kepada syarat pelantikan masing-masing.</p>	<p>Kemudahan rawatan ditanggung di PKU sahaja sebanyak RM1,500 setahun</p>	<p>Tiada had tambahan</p>	<p>Pusat Kesihatan Universiti (PKU)</p>
3.	<p>PESARA dan Pasangan (Pesara yang telah memilih skim</p>	<p>Kemudahan rawatan yang ditanggung di PKU sahaja sebanyak RM1,500 setahun</p>	<p>Tambahan Had boleh diperolehi dengan kelulusan Universiti bagi pesakit kronik.</p>	<p>Pusat Kesihatan Universiti (PKU)</p>

Bil.	Penerima Rawatan	Had Kos Perubatan	Keterangan	Penyedia Rawatan
	PENCEN sahaja & jabatan terakhir sebelum pencen ialah UTM)	tertakluk kepada had kos rawatan sakit biasa dan sakit kronik		

- Kadar bayaran perkhidmatan dan perubatan di PKU dan Klinik Panel adalah tertakluk kepada kadar yang telah ditetapkan oleh Universiti seperti dalam Skim Perubatan Staf melalui pautan link <https://registrar.utm.my/bpo/services/perubatan-staf/>
 - Insentif dalam bentuk *in-kind* dimana pemeriksaan perubatan percuma kepada **STAF SAHAJA** di PKU bernilai RM130. Insentif ini hanya diberi kepada staf yang menggunakan 50% sahaja daripada peruntukan asal RM 1,500. Insentif ini boleh dituntut pada tahun berikutnya.
3. Baki had kos rawatan pesakit luar boleh disemak melalui system UTMHR v2 melalui portal MyUTM di pautan <https://my.utm.my/>
4. Semua warga Universiti adalah diminta untuk mengambil maklum pelaksanaan Had Kos Rawatan Outpatient yang berkuat kuasa pada **02 Januari 2023**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)

Pendaftar

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah UTM Kampus Pagoh
 - Pegawai-Pegawai Kanan/Dekan/Pengarah

MSN